



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	03.11.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	TNB			

'Jangan pasang bahan kempen di premis, pemasangan elektrik TNB'

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengingatkan parti politik agar tidak memasang bahan kempen di premis dan pemasangan elektrik milik syarikat itu sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) bermula 5 November hingga 18 November ini.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, perbuatan itu boleh mengundang bahaya kerana berisiko mengakibatkan renjatan elektrik selain menyebabkan gangguan bekalan elektrik jika percikan arka (*flashover*) berlaku sehingga merosakkan harta benda bahkan boleh mengancam nyawa.

"Pemasangan bahan kempen itu juga boleh menghalang warga kerja TNB mendapat akses untuk kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan," katanya dalam kenyataan, semalam.

TNB menjelaskan lara-



Pemasangan bahan kempen boleh halang warga kerja TNB mendapat akses untuk kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan"

Wan Nazmy

ngan itu termasuk menampal atau menggantung poster, bendera dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang elektrik konkrit dan talian atas.

Orang ramai juga dinasihatkan agar tidak memegang, membawa atau memasang tiang bendera di bawah talian penghantaran elektrik termasuk tiang bendera yang diperbuat daripada buluh yang boleh menyebabkan renjatan elektrik. - Bernama

HM031122_6

